



BERAMAL... Tengku Alauddin (kiri) menyerahkan kotak pakaian untuk mangsa Ribut Greg kepada Ismail di Jalan Ampang, baru-baru ini.

ASK meterai MOU penerbitan

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan dua universiti tempatan pertengahan tahun ini bagi mewujudkan kerjasama dalam beberapa bidang seperti penerbitan, penyelidikan dan persembahan.

Hal ini penting kerana universiti mempunyai banyak bahan penyelidikan sedangkan ASK lebih terserlah dari segi praktikal dan ia sesuai jika hubungan antara dua institusi itu dapat dijalinan.

Pengarah ASK, Datuk Tengku Alauddin Abdul Majid berkata, melalui MOU itu kedua-dua pihak akan mendapat manfaat selain sesetengah penyelidikan ilmiah di universiti dapat digunakan sebaik mungkin.

"ASK juga akan berbincang berhubung pertukaran kredit supaya pemegang diplomasnya dapat meringkaskan masa belajar di universiti," katanya selepas majlis penyerahan kutipan derma untuk mangsa Ribut Greg Sabah yang diadakan di Pentas Terbuka ASK, Jalan Ampang malam Jumaat lalu.

Sejumlah RM1,418

wang tunai berjaya dikutip selain sembilan kotak pakaian.

Kutipan bermula seminggu lalu. Ia diserahkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam kepada wakil TV3.

Tengku Alauddin berkata, kerjasama ASK dan universiti tempatan perlu dirangka sekarang kerana pelajar sulung ASK akan menamatkan pengajian diploma mereka pertengahan Mei tahun depan.

Majlis konvokesyen dijangka diadakan pada bulan Ogos. ASK kini mempunyai 44 pelajar sulungnya daripada empat jabatan berbanding 64 orang yang diterima masuk pada asalnya.

Tengku Alauddin berkata, dengan adanya universiti yang dapat menerima pemindahan kredit ia memberi peluang kepada pelajar yang bercadang menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Bagi mereka yang ingin bekerja, lepasan diploma ASK dijangka tidak menghadapi masalah kerana ketika di kampus lagi mereka ditekankan dengan amali.